

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN PROJEK SUTERA HARBOUR RESORT SDN. BHD.

TEMPAT: KOTA KINABALU, SABAH

TARIKH: 23 JUL 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Sutera Harbour Resort Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Projek Sutera Harbour Resort. Tahniah diucapkan kepada pemaju projek peranginan ini kerana usaha seperti ini sudah tentu akan membantu meningkatkan lagi daya tarikan Sabah sebagai pusat pelancongan.

2. Sabah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, mempunyai kadar pembangunan pelancongan yang agak rendah. Justeru itu, usaha-usaha yang lebih pesat hendaklah dijalankan bagi memajukan lagi sektor pelancongan di negeri Sabah. Sesungguhnya Sabah mempunyai banyak potensi sebagai pusat pelancongan. Oleh itu usaha-usaha harus dijalankan bagi membangunkannya secara terancang. Kita dapati bahawa di samping Peranginan Sutera Harbour ini terdapat juga kawasan-kawasan lain yang boleh dimajukan sebagai pusat peranginan yang dapat menarik minat lebih ramai lagi pelancong ke negeri Sabah.

3. Saya percaya bahawa pemaju Sutera Harbour Resort mengambil langkah yang bijak kerana memilih Kota Kinabalu sebagai lokasi projeknya. Ini memandangkan lapangan terbang di Kota Kinabalu adalah antara lapangan terbang yang paling sibuk dan juga pelabuhannya adalah setanding dengan Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang daripada segi kemasukan kapal-kapal. Jarak yang dekat dengan Singapura juga membuat Sabah sebagai pasaran yang luas. Sungguhpun Singapura adalah lebih popular bagi pelancong- pelancong, tetapi penerbangan dari Kota Kinabalu ke Semenanjung hanyalah dua jam sahaja.

4. Kawasan pantai di Asia Tenggara termasuk di Sabah merupakan antara yang paling cantik di dunia. Terdapat banyak sumber yang menarik di kawasan ini. Ianya mengandungi 30 peratus daripada terumbu karang di dunia, 25 peratus daripadanya adalah bakau dan 10 peratus daripada keluaran ikan. Di samping itu ia juga kaya dengan sumber-sumber asli yang dapat memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan ini.

5. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa telah timbul beberapa kepincangan di antara berbagai-bagai sektor terhadap cara yang paling optima bagi membangunkan sumber-sumber pantai ini. Salah satu daripadanya ialah industri pelancongan. Tempat-tempat semula jadi seperti pantai pasir, pulau-pulau

karang dan terumbu adalah antara yang paling asas yang dapat menarik para pelancong. Dengan itu adalah lebih sesuai kawasan ini dibangunkan sebagai kawasan peranginan.

6. Dalam hal ini Kerajaan dan sektor swasta perlu bekerjasama dalam mengenalpasti kawasan mana yang boleh dan harus dibangunkan sebagai pusat pelancongan.

7. Pihak Kerajaan sentiasa bersedia memberi kerjasama kepada pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara. Di samping menyediakan suasana pelaburan yang menarik, Kerajaan akan menentukan bahawa infrastruktur yang cukup disediakan bagi membantu pihak swasta.

8. Satu perkara yang harus kita beri perhatian ialah kapasiti pelaksanaan kawasan tersebut, sama ada hutan bakau atau pantai pesisiran. Pada asasnya, kita harus pastikan supaya pembangunan yang diusahakan mengambilkira kepentingan alam sekitar. Sumber- sumber alam semula jadi harus dibangunkan dengan bijak supaya ianya merupakan satu daya tarikan kepada pelancong-pelancong asing dan pencinta alam.

9. Saya percaya bahawa dengan pengurusan pembangunan yang mampat dan jitu, di samping kerjasama semua pihak kita akan berjaya membangunkan Sabah sebagai pusat peranginan yang popular di rantau ini. Pendekatan yang rapi dan bijak akan membolehkan pembangunan pelancongan dijalankan tanpa memusnahkan budaya kita tetapi sebaliknya akan memanfaatkan negara dan penduduk tempatan.

10. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Projek Sutera Harbour Resort Sdn. Bhd.